

# Masjid Jefri Bolkia, Masjid Kampung Penanjong Johan Pertandingan Dikir Brunei

Oleh : Syirain Affi Md. Fadzil, Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman  
Foto : Mohammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Mac. - Dikir Brunei merupakan salah satu khazanah berharga yang telah diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan adalah salah satu kebudayaan beragama yang diamalkan dalam kehidupan orang-orang Melayu Brunei sejak berzaman.

Dalam usaha menyebarkan lagu-lagu dikir agar tidak hilang ditelan zaman, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkia, Kampung Serusop (Pusat Pengajian Dikir) telah mengadakan Pertandingan Dikir Brunei bagi Pegawai Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid Senegara sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 bagi Tahun 1435 Hijrah / 2015 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkia, Kampung Serusop.

Masjid Jefri Bolkia, Kampung Batong Zon I muncul johan bagi kategori lelaki dalam pertandingan tersebut dengan kutipan markah 91 peratus dan johan bagi kategori perempuan ialah Masjid Kampung

Penanjong Zon II dengan memungut markah sebanyak 89 peratus.

Manakala naib johan bagi kategori lelaki disandang oleh Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok dengan memperoleh markah sebanyak 89 peratus dan bagi kategori perempuan adalah Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait dengan kutipan

markah 88.5 peratus.

Sementara di tempat ketiga bagi kategori lelaki ialah Masjid Sufri Bolkia Zon III dengan memungut markah sebanyak 88.5 peratus dan kategori perempuan disandang oleh Masjid Kampung Batu Apoi, Temburong dengan kutipan markah 88 peratus.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz

bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan dari johan pertandingan tersebut, iaitu bagi kategori lelaki dan perempuan.

Antara lain, tujuan pertandingan ini diadakan ialah untuk memberikan bimbingan dan pendedahan serta peluang kepada para peserta mempelajari teknik berdikir yang betul agar mampu mempersembahkan dikir dengan baik dan sempurna.

Ita juga untuk menggalakkan para peserta sentiasa mengamalkan selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam supaya menjadi amalan harian serta dapat memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu bacaan Dikir Brunei dari segi 'fasahah', lagu dan suara yang akan dapat melahirkan individu atau kumpulan dikir Brunei dalam kalangan pegawai masjid, ahli jawatankuasa takmir dan jemaah masjid.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof ketika menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Johan Pertandingan Dikir bagi kategori lelaki, Masjid Jefri Bolkia (kiri) dan bagi kategori perempuan, Masjid Kampung Penanjong Tutong (kanan).



## Bimbing bakal jemaah fahami falsafah manasik haji

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Mac.- Para pengkursus ibadat haji diseru supaya mengambil apa jua ilmu yang disampaikan agar dapat membimbing bakal haji dalam memahami falsafah manasik haji, iaitu taubidnya, fiqah pelaksanaan serta hikmah yang tersembunyi disebaliknya agar bakal jemaah haji akan dapat melaksanakan ibadat haji dengan sempurna dan teratur.

Dengan demikian para pengkursus akan dapat menjalankan tanggung-jawab dengan sebaik-baiknya dan apa jua permasalahan atau persoalan yang ditimbulkan hendaklah dirujuk kepada kitab yang menjadi asas dan sandaran umum di Negara Brunei Darussalam seperti buku-buku fatwa yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal

Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyatakan perkara itu semasa Majlis Perasmian Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di KHEU.

"Kita semua maklum bahawa melaksanakan ibadat haji bukan suatu perkara yang bolch diambil mudah sahaja kerana di dalam melaksanakan ibadat haji ini penuh dengan kesukaran dan dugaan, maka menamakan sifat sabar dalam diri seseorang bakal haji jemaah haji adalah amat

penting," jelasnya.

Menurutnya, para peserta dan pengkursus muzakarah amnya akan dapat menumpukan perhatian sepenuhnya di sepanjang pembentangan kertas kerja dijalankan.

Seramai 106 peserta terdiri daripada guru-guru pengkursus ibadat haji, guru-guru penyelia sekolah agama, pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawah KHEU, institusi-institusi pengajian (KUPU SB) pegawai-pegawai perubatan, ABDB dan pegawai-pegawai operator haji.

Objektif muzakarah ini diadakan adalah untuk menyeragam dan menyelaraskan penyampaian hukum-hukum berkaitan dengan haji, umrah dan ziarah bagi mengelakkan percampuran hukum dan memberikan pemahaman yang cukup kepada pengkursus ibadat haji untuk disampaikan kepada bakal-bakal jemaah diseluruh negara mengenai keadaan sebenar di tanah suci Mekah Al-Mukarramah, Arafah, Mina dan kemudahan-kemudahan serta ekspektasi-ekspektasi yang dihadapi oleh jemaah haji serta sebarang dasar



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyampaikan ucapan merasmikan Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji bagi Musim Haji 1436 H / 2015 M.

dan peraturan Kerajaan Arab Saudi yang perlu dipatuhi.

Turut hadir Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid dan Pemangku Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad.

## MPP ITQSHHB anjur Majlis Selawat



PEMANGKU Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. ZuHzzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Mac. - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Lelaki Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkia (ITQSHHB) malam tadi mengadakan Majlis Selawat ITQSHHB yang diadakan di surau institut berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyakh berjemaah yang diamalkan oleh Ketua Pelajar, Awangku Md. Jamilul Alam bin

Pengiran Mohd. Tejuddin.

Acara kemudiannya diserikan dengan gema lagu-lagu Qasidah yang dipimpin oleh Kelab Khidmat dan Qasidah Pusat Belia bersama-sama pelajar Tahun 7 dan 8 institut berkenaan yang antara lain merupakan salah satu aktiviti anjuran MPP ITQSHHB sebelum bermulanya cuti penanggal pertama.

Bagi menyerikan lagi acara tersebut Majlis Perwakilan Pelajar juga turut menjemput penceramah undangan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Ustaz Al-Ilabib Dr. As-Sayed Abdul Hamid Al-Mahdaly untuk menyampaikan ceramahnya yang bertajuk 'Akhlaq seorang penghafal Al-Quran'.

Antara tujuan utama majlis seumpama ini diadakan adalah untuk menambahkan kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selain dapat mengeratkan lagi silaturahmi dalam kalangan para pelajar juga untuk menambahkan ilmu pengetahuan tentang ceramah yang disampaikan untuk dimanfaatkan dan diamalkan oleh para pelajar.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang hadir pada Majlis Muzakarah tersebut.